

Fatwa terkini Muis tentang harta pemilikan bersama

1. Sekiranya tiada keputusan dibuat oleh para pemilik bersama ke atas sesuatu harta, dan jika berlaku kematian, pasangan yang masih hidup tidak akan mendapat hak pemilikan penuh ke atas harta tersebut. Pasangan itu hanya akan mendapat separuh (50 peratus) daripada nilai harta itu. Jumlah ini (50 peratus) itu adalah berdasarkan kedudukan beliau sebagai pemilik bersama.

Walau bagaimanapun, waris lain yang berhak ke atas harta tersebut tidak boleh memaksa pasangan tersebut menjual harta itu sehingga suatu masa yang sesuai buatnya. Pada masa yang sama, pasangan yang masih hidup tadi tidak dibenarkan menunda-nunda penjualan harta itu tanpa alasan yang munasabah kerana ia mungkin menafikan hak waris-waris yang lain.

2. Dan jika satu keputusan telah dibuat di antara pemilik-pemilik bersama tersebut, sama ada melalui hibah ruqba (hadiah ruqba) atau perjanjian nuzriah yang menyatakan secara terang bahawa sekiranya berlaku kematian, pasangan yang hidup akan mendapat hak penuh ke atas harta mereka, maka pemilikan harta tersebut akan diberikan kesemuanya kepada pasangan yang hidup. Perkara ini selari dengan undang-undang sivil mengenai pemilikan bersama di Singapura.

PERTI NUZRIAH ATAU NAZAR

Nuzriah ialah nazar yang dilakukan oleh individu untuk menyerahkan sebahagian atau semua hartanya kepada orang lain sebelum kematiannya.


Jika nuzriah dibuat untuk melindungi kepentingan orang yang hidup dan tidak menyebabkan ketidakadilan, ia dibenarkan. Ia boleh menjadi haram jika menyebabkan ketidakadilan kepada waris yang berhak.

HIBAH RUQBA

Hibah ruqba adalah satu bentuk hadiah bersyarat. Ia dilaksanakan apabila pemberi hibah berkata: "Hartanah ini

ISU PEMILIKAN BERSAMA

Tuntut 'hak' sebab tidak puas hati



ENCIK SADALI RASBAN: Pemilik firma konsultan pembahagian harta pusaka, HTHT Advisory Services Pte Ltd, ini telah menulis 13 buku mengenai soal pembahagian harta dan pemilikan bersama. Beliau telah membantu 1,000 pasangan dalam membuat hibah ruqba sejak mengasaskan firmanya dalam 1997. - Foto SAINI SALLEH

Hibah ruqba cara terbaik lindungi harta peninggalan untuk isteri dan anak-anak

PIHAK keluarga dan waris telah bersemuka dan diterangkan sejelajelasnya soal pembahagian harta peninggalan si mati berdasarkan hibah ruqba yang dibuat oleh si mati kepada isterinya lama sebelum beliau meninggal dunia.

Ini dinyatakan Encik Sadali Rasban, pemilik firma konsultan pembahagian harta pusaka, HTHT Advisory Services Pte Ltd, ketika ditemui baru-baru ini.

Menurut beliau, hibah ruqba atau pemberian hadiah bersyarat itu menjadikan harta peninggalan si mati berupa flat lima bilik di sekitar Bukit Batok berharga sekitar \$400,000 dan wang Tabung Simpanan Pekerja (CPF) sekitar \$30,000 milik penuh isterinya.

Tetapi, si mati, seorang pekerja penyenggara sebuah kelab golf, turut meninggalkan wang insurans, simpanan bank dan baki gajinya berjumlah lebih \$50,000 untuk dibahagikan kepada warisnya, tambah Encik Sadali, 51 tahun, yang telah menulis 13 buku mengenai soal pembahagian harta dan pemilikan bersama.

Selepas ditolak zakat harta, hutang kereta dan beberapa bayaran, baki harta yang ditinggalkannya berjumlah lebih \$34,000.

Separuh daripada jumlah tersebut atau \$17,000 merupakan harta sepercaraan dan diserahkan kepada isteri Allahyarham dan baki separuh lagi diagihkan kepada para waris secara faraid.

Ayah Allahyarham yang berusia 83 tahun menerima bahagiannya hampir \$13,000 atau 75 peratus dan isteri Allahyarham menerima baki \$4,000 atau 25 peratus daripada jumlah itu.

"Saya dah jelaskan kepada kedua-dua pihak, keluarga isteri Allahyarham serta ayah dan beberapa adik-beradiknya dalam satu pertemuan Julai lalu.

"Mereka diterangkan tentang soal hibah ruqba, hukum syariah dan sivil dari segi pembahagian harta pusaka si mati.

"Saya dah jalankan tugas dan amanah yang telah diberikan kepada saya. Saya ingat mereka semua faham, tetapi sekarang mereka tak puas hati dan mahu menuntut bahagian yang kini menjadi hak orang lain," jelas Encik Sadali sambil mendakwa telah membantu 1,000 pasangan dalam membuat hibah ruqba sejak mengasaskan firmanya dalam 1997.

Encik Sadali memiliki diploma dalam bidang Perancangan Kewangan, Diploma dalam Hukum Islam Universiti Kebangsaan Malaysia dan Diploma Perbankan dan Kewangan Islam Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Menurut beliau lagi, hibah ruqba tidak boleh ditarik ba-

Peraturan sivil berkaitan pemilikan bersama

UNDANG-UNDANG sivil berkaitan pemilikan bersama atau *Joint Tenancy* (JT) sesuatu aset atau hartanah begitu jelas - apabila salah seorang pemilik bersama meninggal dunia, haknya secara automatik jatuh sepenuhnya ke tangan pemilik bersama yang hidup.

Ini bermakna pemilik bersama tidak perlu membuat nuzriah dan hibah ruqba atau wasiat untuk memberikan haknya apabila beliau meninggal dunia kepada pemilik bersama yang hidup kerana ia secara automatik men-

Mengikut fatwa Muis, perkongsian milik si mati itu tidak berpindah 100 peratus kepada pemilik bersama yang masih hidup.

Pemilik yang masih hidup hanya berhak mendapat perkongsian dengan hak perkongsian si mati dibahagi-bahagikan mengikut hukum faraid kecuali si mati telah meluahkan niatnya melalui nuzriah atau hibah ruqba untuk memberikan haknya kepada pemilik bersamanya yang masih hidup itu.

Tinjauan *Berita Harian* mendapati per-

Abud dan suaminya yang memiliki secara bersama (*Joint Tenancy*) sebuah kondominium di Tulip Garden.

Setelah suaminya meninggal dunia, beberapa adik-beradik suaminya, yang diwakili Encik Shafeeq Salim Talib, menuntut agar perkongsian kondominium milik suami Cik Fatimah itu diagihkan berdasarkan hukum faraid.

Mahkamah Tinggi yang mendengar kes tersebut tahun lalu memutuskan bahawa hak perkongsian milik suami Cik Fatimah diberi-

Mereka diterangkan tentang soal hibah ruqba, hukum syariah dan sivil dari segi pembahagian harta pusaka si mati. Saya dah jalankan tugas dan amanah yang telah diberikan kepada saya. Saya ingat mereka semua faham, tetapi sekarang mereka tak puas hati dan mahu menuntut bahagian yang kini menjadi hak orang lain.

- Encik Sadali Rasban, mengenai keluarga si mati yang meninggalkan sebuah flat, wang CPF, insurans, wang simpanan bank dan gaji.

lik atau diubah kerana ia adalah hak seseorang dalam menentukan siapa yang harus menerima harta pusakanya apabila beliau pergi untuk selama-lamanya.

Encik Sadali menyatakan bahawa hibah ruqba adalah cara terbaik dalam mengagihkan harta pusaka seseorang kerana ia melindungi harta peninggalannya untuk isteri dan anak-anak daripada menjadi rebutan adik-beradik sedangkan keluarga si mati perlu meneruskan kehidupan, menjaga maruah dan mempunyai tempat berteduh.

i-CREDIT Pte. Ltd. Moneylender Lic: 132/2010

6222 5222
www.icredit.com.sg

Bayar Balik Pinjaman Peribadi secara Bulanan

- Profesional dan perkhidmatan yang mesra
- Tanpa bayaran pendaftaran
- Pengesahan segera
- Minimum pendapatan \$1,800 sebulan
- Membawa NRIC dan bukti pendapatan (slip gaji atau income tax)
- Bunga rendah dan kelulusan yang cepat
- Sullit • Tanpa Penjamin

*Tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan

756 Upper Serangoon Road, #03-36 Upper Serangoon Shopping Centre. (Kovan MRT)

OPENING HOURS:
Mon-Fri: 10am to 7pm | Sat: 10am to 3pm | Sun & Public Holidays: Close
Buses to our office from KOVAN MRT:
Bus-Stop (Towards Town) 80, 81, 82, 101, 107, 135 & 153 (Two Stops Away)

HANYARAN DAHULU, TIADA WANG PENDAHULUAN • No 1st Payment • No Pay Slip • No Deposit • No Guarantor • No House Ownership Required

Monthly \$20 - \$145 x 24/36/48 mths Instant Approval

Bed Set	Bed Set	Brass Bed	Double-Decker Bed	Marble Dining Set
Indonesia Cabinet	Kitchen Cabinet	Sofa	Leather/PVC Sofa	Indonesia Sofa
Indonesia Sofa	MIDI-HI-FI Home Theatre System	Home Theatre System	Window Air-Con	Multi-Split Air-Con
Kipas Angin	Washing Machine	3-4 Door Refrigerator	Side by Side Freezer	Cooler & Hood
Built-in Hob	Built-in Oven			